

## **Kecekapan Tadbir Urus Ketenteraan dan Pertahanan Era Pentadbiran Nabi Muhammad S.A.W**

Lukman Ibrahim<sup>1</sup> & Ermy Azziaty Rozali

*Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.*

Ketenteraan dan pertahanan merupakan salah satu elemen penting dalam mengukuhkan pentadbiran negara. Kekuatan barisan ketenteraan dan pertahanan yang mantap pula bergantung pada pengurusan yang cekap. Pengurusan ketenteraan dan pertahanan yang dijalankan oleh baginda Nabi Muhammad S.A.W antara pengurusan yang relevan untuk dijadikan model pada masa kini. Ini kerana, amalan yang dipraktikkan oleh baginda dalam pentadbirannya membawa kerajaan yang dibina kepada pembentukan negara yang lebih harmoni dan stabil. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk menganalisis dan meneliti amalan yang berkaitan dengan ketenteraan dan pertahanan negara di era pemerintahan nabi Muhammad S.A.W. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan reka bentuk kajian analisis kandungan dan kajian sejarah. Pengumpulan data dilakukan menerusi kaedah tekstual dan data yang diperoleh dianalisis secara deduktif dan induktif. Hasil kajian mendapat terdapat beberapa amalan yang boleh dilihat, antaranya kejayaan tentera Islam menonjolkan kepimpinan nabi Muhammad S.A.W dalam merencana dan merancang taktik dan strategi perang, kesanggupan baginda turut serta dalam menanggung kesusahan bersama para sahabat dalam menghadapi musuh. Pendekatan *mushawarah* serta mengambil kira pendapat yang diutarakan oleh para sahabat dalam mengatur strategi perang merupakan suatu amalan yang boleh diambil pedoman. Kajian ini amat penting dalam bidang ketenteraan dan pertahanan khususnya pada masa kini kerana pada bila masa sahaja konflik atau kekacauan boleh tercetus yang akan menggugatkan keamanan negara. Justeru itu, kecekapan pengurusan dalam aspek ketenteraan dan pertahanan amat perlu bagi bersiap sedia menghadapi cabaran dan ancaman kepada pertahanan negara.

**Katakunci:** Nabi Muhammad S.A.W, Tadbir Urus, Ketenteraan dan pertahanan

### **PENGENALAN**

Kelemahan dalam pengurusan sistem ketenteraan dan pertahanan negara merupakan salah satu faktor penyebab keruntuhan bagi sesbuah kerajaan. Perkara ini dapat dilihat menerusi sejarah tamadun lampau yang mana hampir kesemua tamadun musnah disebabkan kelalaian pemerintah dalam menguruskan sistem ketenteraan dan pertahanan negara dengan lebih baik. Dengan ini, jelaslah menunjukkan aspek ketenteraan dan pertahanan negara perlu diambil berat kerana kedua-dua ini merupakan aset terpenting dalam politik sebuah negara.

---

<sup>1</sup> Corresponding author: lukman.ibrahim@siswa.ukm.edu.my.

Dalam sejarah kehidupan manusia secara umumnya, menunjukkan kecekapan pengurusan ketenteraan dan pertahanan yang boleh dijadikan contoh kepada pentadbiran sekarang adalah melalui pengurusan yang diamalkan oleh baginda Nabi Muhammad S.A.W. Kehebatan baginda dalam mengurus dan mentadbir kerajaan yang dibina selepas penghijrahan baginda bersama para sahabat ke Kota Madinah diperakui oleh beberapa ahli sarjana. Antaranya, sarjana Sa'id Ramadhan Al-Buti menukarkan kehebatan baginda dalam kitabnya *Fiqh Sirah Ma'a Mujiz li Tarikh al-Khilafah Al-Rashidah* "Andaikata manusia ingin mencari suatu contoh terbaik bersifat universal, mereka akan dapat semuanya di dalam kehidupan Nabi Muhammad S.A.W." (Al-Buti 2008:24).

Selain itu, pentadbiran Nabi Muhammad S.A.W. juga diiktiraf dari penulis barat, Michael H.Hart (1992) dalam karyanya yang menyenaraikan 100 orang tokoh yang berpengaruh sepanjang zaman berdasarkan populariti, Nabi Muhammad S.A.W mencatat kedudukan yang tertinggi sebagai tokoh yang paling berpengaruh mendahului tokoh yang lain walaupun pemerintahan Nabi Muhammad S.A.W telah berlalu beberapa abad sekalipun.

Pengiktirafan ini disebabkan kejayaan baginda Nabi Muhammad S.A.W. dalam membentuk pentadbiran negara yang sistematik serta mempunyai barisan pertahanan yang mantap sehingga digeruni oleh pihak musuh. Ini dibuktikan sepanjang pentadbiran baginda, umat Islam tidak pernah kalah dalam setiap siri peperangan walaupun mempunyai bilangan yang sedikit berbanding pihak musuh. Kesan daripada sistem pentadbiran yang dibawa oleh baginda Muhammad S.A.W, masyarakat Islam mula mengorak langkah kehadapan dan mencapai kepada era kegemilangan pemerintahan Islam.

## **KEHIDUPAN MASYARAKAT SEBELUM DAN SELEPAS ISLAM**

### **Masyarakat Arab Sebelum Kedatangan Islam**

Sebelum kedatangan Islam, masyarakat Arab dikenali sebagai masyarakat Jahiliyyah. Ini kerana kebanyakan mereka sesat dan meninggalkan ajaran yang pernah dibawa oleh para nabi dan rasul sebelum kedatangan baginda Nabi Muhammad S.A.W. Berdasarkan penelitian yang dibuat, terdapat empat jenis kepercayaan agama yang wujud dalam kalangan masyarakat Arab sebelum kedatangan agama Islam, antaranya agama *samawiyah* (kristian dan yahudi), agama *wathaniyah* (menyembah berhala), animisme (memuja alam seperti kayu), kepercayaan khurafat (antaranya sihir dan menilik nasib) (al-Mubarakfuri 2007: 35-42).

Dalam aktiviti kehidupan masyarakat jahiliyyah pula, mereka mengamalkan perbuatan yang tidak berakhlik mulia seperti menjalankan perniagaan dengan riba dan penipuan, serta tidak ketinggalan mereka turut melakukan rompakan keatas rombongan *kafilah* yang merentasi padang pasir bertujuan perdagangan atau berpindah (Muhammad Abdul Wahhab 1997:5). Selain itu, mereka juga melakukan penghinaan terhadap kaum hawa yang mana hanya terbatas kepada pembunuhan anak perempuan, bahkan penghinaan tersebut merangkumi seluru aspek kehidupan mereka seperti tidak dibenarkan mewarisi harta pusaka peninggalan ibubapa mereka, dijadikan hamba abdi serta tiada undang-undang khas yang adil yang boleh dijadikan panduan bagi masyarakat Jahiliyyah

sehingga seorang lelaki dibolehkan menikahi dengan beberapa orang wanita serentak atau dengan sesiapa yang disukainya (al-Mubarafuri 2007: 43-45).

Perlakuan yang tidak bermoral ini disebabkan mereka mengamalkan sistem kabilah yang mana setiap ahli kabilah terdiri daripada beberapa suku kaum tertentu. Malah mereka turut mempunyai indentiti dan undang-undang tersendiri. Undang-undang tersebut perlu dipersetujui oleh ketua kabilah atau dikenali sebagai *shaykh*. Perlantikan *shaykh* dilakukan sebagai ketua kabilah kerana mereka beranggapan ia merupakan lambang kepada perpaduan bagi sesebuah kabilah walaupun *shaykh* tersebut mempunyai sifat yang tidak baik. Perkara lain yang dapat dilihat tentang keburukan sistem kabilah ini adalah muncul semangat *asabiyah* yang keterlaluan sehingga tercetusnya pembunuhan dan perperangan di antara kabilah. Wujudnya semangat perkauman ini bermula daripada sistem kabilah yang berasaskan keturunan.

Selain itu, faktor kewujudan sifat ini juga berpunca dari keadaan geografi dan keadaan penempatan mereka yang panas dan kering. Demi meneruskan kehidupan, mereka terpaksa menyelesaikan permasalahan ini secara bersama dalam apa jua keadaan. Dengan keangkuhan dan perkauman yang ada dalam diri mereka menjadikan kehidupan mereka tidak aman, malah sering berlakunya perbalahan dalam kalangan masyarakat Arab Jahiliyyah. Antara contoh perperangan yang berlaku pada zaman Jahiliyyah adalah Peperangan al-Fijar (Ibnu Hisham, 2012:163), perang *al-Basus* yang berlangsung selama 40 tahun, perang *Dahis* dan perang *Ghabra'* (Muhammad Abdul Wahhab, 1997:8). Kesemua perperangan ini membuktikan sikap masyarakat Arab Jahiliyyah yang suka bertumpah darah sesama mereka disebabkan keegoan dan perkauman yang mendalam sehingga mereka hidup dalam kejahilan dan tidak bertamadun.

Oleh hal demikian, sebagai masyarakat yang berbilang bangsa, etnik dan agama seharusnya menjauhkan sifat perkauman dalam diri dan mengekalkan persefahaman yang sedia ada demi kemakmuran, keharmonian dan perpaduan dalam kalangan masyarakat, seterusnya dengan adanya semangat ini, segala usaha kearah masyarakat bertamadun akan tercapai.

### **Masyarakat Arab selepas kedatangan Islam**

Agama Islam merupakan agama *samawiyah* yang diturunkan oleh Allah kepada umat Nabi Muhammad S.A.W. Agama yang mempunyai pelbagai panduan dan peraturan penting untuk digunakan sepanjang zaman tanpa mengira latar belakang kaum, budaya, sosial dan etnik (Abu al-Wafa' Mahmud, T.th:2 dan Zul Aimran Omar, 2014:11).

Selepas Nabi Muhammad S.A.W dilantik sebagai rasul, baginda berjaya mencorak peradapan dan kemanusiaan yang sesuai diikuti sepanjang zaman, terutama dalam meneraju pentadbiran negara. Ini kerana dengan tiga dasar utama yang dibawa oleh baginda semasa pembentukan kerajaan Islam di Madinah, masyarakat Arab terutama di Madinah semakin menerima ajaran Islam selepas mereka melihat kebaikan yang ada dalam ajaran tersebut seperti mereka dapat hidup bermasyarakat, semangat perkauman semakin terhakis dalam diri mereka, tiada perbalahan antara kaum setelah diikat dengan persaudaraan sesama Islam, semua kaum diberi persamaan taraf, maruah kaum wanita terpelihara dan amalan tidak bermoral berjaya dilenyapkan.

Berdasarkan tiga asas utama dalam pentadbiran Nabi Muhammad S.A.W, iaitu pembinaan masjid sebagai pusat pentadbiran, piagam Madinah yang bertujuan menyatukan masyarakat yang berbilang kaum dan mempersaudarakan antara Muhajirin dan Ansar bagi menghapuskan perkauman yang ada dalam diri mereka. Baginda bukan sahaja berjaya menubuhkan sebuah negara Islam yang mempunyai masyarakat bersatupadu, bahkan menunjukkan bahawa baginda seorang tokoh negawaran yang patut dicontohi.

Walau bagaimanapun, masih terdapat ramai lagi masyarakat Arab enggan menerima ajaran yang dibawah oleh Nabi Muhammad S.A.W disebabkan keegoan dan keangkuhan yang masih menebal dalam diri mereka walapun mereka tahu terhadap kebenaran agama Islam. Antaranya pemimpin besar Quraysh temusuk Abu Jahal dan Abu Lahab. Ini disebabkan mereka beranggapan akan kehilangan pangkat dan kedudukan sekiranya mereka mengikuti ajaran tersebut. Demi menjaga kehormatan, pangkat dan kedudukan, mereka terpaksa melakukan penganiayaan ke atas umat Islam dengan pelbagai cara sehingga ada yang berfikir cara membebaskan diri dari penyiksaan yang berterusan ke atas mereka. Disebabkan penindasan tersebut, baginda dengan rasa penuh bertanggungjawab mengarahkan pengikutnya ke Madinah agar mereka memperolehi kehidupan yang harmoni serta jauh dari kezaliman pihak Quraish.

## **TADBIR URUS NABI MUHAMMAD S.A.W DALAM BIDANG KETENTERAAN DAN PERTAHANAN**

Pertahanan negara adalah suatu langkah atau tindakan yang harus diambil bagi menjamin keselamatan, keharmonian dan kestabilan politik bagi sesebuah kerajaan. Pertahanan merangkumi aspek ketenteraan seperti membina tembok pertahanan, kelengkapan senjata, latihan anggota tentera dan sebagainya. Menurut Samuel Edward Finer dalam karyanya *The Man on Horseback: The Role of the Military in Politics* (2002), kumpulan angkatan tentera ditubuhkan untuk menghadapi serangan musuh serta memastikan kemenangan bagi mempertahankan keharmonian dan kestabilan sesebuah negara.

Pada era pentadbiran Nabi Muhammad S.A.W, selain menjadi pemimpin negara baginda turut meletakkan diri sebagai ketua angkatan tentera yang bijak dan penuh hikmah. Hampir kesemua siri peperangan yang dipimpin oleh baginda mencapai kejayaan. Taktik dan strategi peperangan yang digunakan mengandungi pelbagai kaedah yang mengutamakan kemanusiaan, menjamin serta memelihara alam sekitar (Nik Abdul Aziz 2007:24) seperti dilarang membunuh wanita, anak kecil, orang tua dan merosakkan harta benda masyarakat (A. Irwan 2014:65-67). Ini membuktikan bahawa agama Islam adalah agama yang membawa gagasan rahmat dan keselamatan sejagat. Kenyataan ini menyanggah pandangan sesetengah masyarakat terutama ahli Barat yang melabelkan agama Islam sebagai penganas dan penaja keganasan (Mohd Zuhdi 2015:143-154) . Siri peperangan di era pentadbiran baginda dapat dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu:

1. Peperangan yang disertai dan dipimpin oleh baginda sekaligus menjadi panglima perang (*ghazawah*).
2. Peperangan yang tidak dihadiri oleh baginda dan melantik seorang panglima bagi mengetuainya (*sariyyah*).

3. Utusan atau delegasi yang dihantar oleh baginda bagi melaksanakan sesuatu urusan seperti mengajak kepada pendamaian atau memeluk agama Islam (*Birthah*).

Para Sejarawan berbeza pendapat mengenai jumlah peperangan yang berlaku pada zaman pentadbiran baginda Nabi Muhammad S.A.W. Menurut Ibnu Hajar al-Asqalani, jumlah tersebut turut dinyatakan dari pengarang kitab *Tabaqat al-Kubra*, Ibnu Sa'ad. Beliau membahaskan dengan lebih mendalam mengenai *ghazawah*. Beliau mendapati sebanyak 27 siri peperangan yang disertai oleh baginda S.A.W dan jumlah tersebut disokong oleh al-Waqidi dan Ibnu Ishaq (Ibnu Hajar 3949:7:281).

Perbezaan ini berlaku kerana terdapat sesetengah sejarawan menyamakan beberapa siri peperangan dalam satu siri seperti peperangan Khandak disatukan dengan peperangan Bani Quraizah, peperangan Hunayn disatukan dengan peperangan Ta'if dan peperangan Wadi al-Qura dengan peperangan Khaibar (Ibnu Hajar 3949:7:281). Jadual 1 dan jadual 2 menunjukkan senarai dan jumlah siri peperangan yang diketuai oleh baginda Nabi Muhammad S.A.W selama 8 tahun, bermula dari bulan Safar, tahun ke-2 Hijrah hingga Rajab, 9 Hijrah. Dari jumlah tersebut, 9 daripadanya berlaku pertembungan dengan pihak musuh iaitu Badar, Uhud, Khandak, Qurayzah, al-Mustaliq, Khaybar, pembukaan Kota Mekkah, Hunayn dan Taif (al-Tabari, 1967:Jil 3:153).

<b>Bil</b>	<b>Siri Peperangan</b>	<b>Tahun</b>	<b>Tempat</b>
1	Waddan(al-Abwa')	Safar, 2 Hijrah	Waddan
2	Buwaat	Rabi'ul Awwal, 2 Hijrah	Buwat
3	Safwan(Badar al-Ula)	Rabi'ul Awwal, 2 Hijrah	Wadi Safwan
4	Dhi al-'Ushayrah	Jamadi al-Awwal dan Jamadi al-Akhir, 2 Hijrah	Dhi al-'Ushayrah
5	Badar al-Kubra	Ramadhan, 2 Hijrah	Badar
6	Bani Sulaym	Shawwal, 2 Hijrah	Al-Kurd
7	Bani Qaynuqa <sup>c</sup>	Shawwal, 2 Hijrah	Al-Madinah
8	Al-Suwayq	Zul Hijjah, 2 Hijrah	Al-Kurd
9	Dhi Amar(Ghatfan)	Muharram, 3 Hijrah	Dhi Amar
10	Bahran	Rabi'ul Awwal, 3 Hijrah	Bahran
11	Uhud	Shawwal, 3 Hijrah	Bukit Uhud
12	Hamra' al-Asad	Shawwal, 3 Hijrah	Hamra' al-Asad
13	Bani Nadir	Rabi'ul Awwal, 4 Hijrah	Pinggiran Madinah
14	Badar al-Akhir	Sh'aban, 4 Hijrah	Badar
15	Dumat al-Jandal	Rabi'ul Awwal, 5 Hijrah	Dumat al-Jundal
16	Khandaq(al-Ahzab)	Shawwal, 5 Hijrah	Madinah
17	Bani Qurayzah	Zul al-Qa'didah, 5 Hijrah	Pinggiran Madinah
18	Bani Lihyan	Jamadi Awwal, 6 Hijrah	Ghurran

<b>19</b>	Bani Mustalaq(al-Murays <sup>c</sup> i)	Sh <sup>c</sup> aban, 5 Hijrah	Al-Murays <sup>c</sup> i
<b>20</b>	Dhi Qarad(al-Ghabah)	Zul Hijjah dan Muhamarram, 6 Hijrah	Dhi Qard
<b>21</b>	Khaybar	Muhamarram, 7 Hijrah	Khaybar
<b>22</b>	Wadi al-Qura	Muhamarram, 7 Hijrah	Wadi al-Qura
<b>23</b>	Dhat al-Riqa <sup>c</sup>	Rabi <sup>c</sup> ul Awwal, 7 Hijrah	Dhat al-Riqa <sup>c</sup>
<b>24</b>	Pembukaan Kota Makkah	Ramadhan, 8 Hijrah	Kota Makkah
<b>25</b>	Hunayn(Hawazin)	Shawwal, 8 Hijrah	Wadi Hunayn
<b>26</b>	Taif	Shawwal, 8 Hijrah	Taif
<b>27</b>	Tabuk	Rejab, 9 Hijrah	Tabuk

Jadual 1: Senarai siri peperangan yang disertai oleh Nabi Muhammad S.A.W  
 Sumber: Al-Sirah Al-Nabawiyyah (Ibnu Hisham), al-Rahiq al-Makhtum (al-Mubarafuri), Ghazawat al-Rasul (al-Salabi), Tarikh al-Rasul (al-Tabari), Kitab al-Maghazi (al-Waqidi) dan Fath al-Bari (Ibnu Hajar al-Asqallani).

<b>Bil</b>	<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Siri peperangan</b>
<b>1</b>	Ke-2 Hijrah	8
<b>2</b>	Ke-3 Hijrah	4
<b>3</b>	Ke-4 Hijrah	2
<b>4</b>	Ke-5 Hijrah	3
<b>5</b>	Ke-6 Hijrah	3
<b>6</b>	Ke-7 Hijrah	3
<b>7</b>	Ke-8 Hijrah	3
<b>8</b>	Ke-9 Hijrah	1

Jadual 2: Jumlah siri peperangan mengikut tahun  
 Sumber: Al-Sirah Al-Nabawiyyah (Ibnu Hisham), Kitab al-Maghazi (al-Waqidi), Ghazawat al-Rasul (al-Salabi), Tarikh al-Rasul (al-Tabari).

Kesan dari peperangan ini, keseluruhan Semenanjung Tanah Arab berada dibawah pentadbiran Nabi Muhammad S.A.W. Ini kerana menerusi dari semangat perjuangan yang disemai oleh baginda dalam diri umat Islam serta kewibawaan baginda dalam menguruskan sistem ketenteraan dan pertahanan negara telah membawa kepada kejayaan dalam peperangan yang dihadapi. Dengan pembukaan semenanjung tanah Arab menguatkan lagi sistem pertahanan negara dari serangan pihak musuh samada dari dalam atau luar. Kesan dari ini juga, umat Islam semakin digeruni pihak musuh terutama dari kuasa besar seperti Rom dan Parsi.

Melalui penelitian sejarah peperangan yang berlaku pada era pentadbiran Nabi Muhammad S.A.W, baginda mengamalkan empat elemen dan menjadi model terutama kepada khalifah Islam (dari zaman Abu Bakar al-Siddiq hingga ke zaman kerajaan Uthmaniyah) selepas kewafatan baginda dalam menguruskan ekspedisi peperangan iaitu perancangan, penyusunan, pelaksanaan dan pengawalan. Dengan amalan tersebut, pembukaan negara Islam semakin berkembang, ini dibuktikan dibawah

pentadbiran kerajaan Uthmaniyyah berjaya menguasai dua pertiga dunia dengan melebarkan negara Islam dari bahagian Timur ke Barat (China ke negara Eropah) dan dari bahagian Utara ke selatan (Siberia ke Lautan Hindi).

Sebagai contoh keberkesanan empat elemen yang dipraktiskan pada zaman kerajaan Uthmaniah semasa pembukaan Kota Konstantinopel dibawah pimpinan Sultan Muhammad al-Fateh. Sebelum Sultan Muhammad al-Fateh membuka Kota Konstantinope, baginda melakukan perancangan dan penyusunan tentera dengan rapi. Baginda membina tembok Rumeli Hissari untuk menghalang serangan orang Rom dan membina peralatan tentera yang canggih seperti meriam besar dicipta oleh Urban (Fahmi 1993:72-73). Selain itu, baginda turut mempertingkatkan amal ibadat dan latihan ketenteraan.

Selepas mempersiapkan ketenteraan dari aspek jasmani dan rohani, Sultan Muhammad al-Fateh melaksanakan serangan seperti yang dirancang, baginda menyerang Kota Konstantinopel selama 53 hari dan berjaya menakhluk Kota Konstantinopel. Kejayaan baginda menawan kota tersebut merupakan antara kejayaan terpenting dalam perkembangan sejarah Islam (Fahmi 1993:134). Dengan mempraktiskan elemen tersebut dan semangat jitu yang ada dalam diri Sultan Muhammad al-Fateh, baginda Berjaya merealisasikan hadith yang diucapkan oleh Nabi Muhammad S.A.W. Nabi Muhammad S.A.W bersabda:

*“Kota Konstantinople akan jatuh ke tangan tentera Islam. Rajanya adalah sebaik-baik raja dan tenteranya adalah sebaik-baik tentera.”*  
(HR Ahmad 18957).

## SISTEM PEMBERIAN GANJARAN KEPADA TENTERA

Pada era baginda, tentera umat Islam terdiri dalam kalangan sahabat yang menyertai ekspedisi peperangan secara suka rela demi mempertahankan agama Islam dan mengharapkan keredaan Allah S.W.T. Kebanyakkan daripada mereka berasal dari pelbagai latarbelakang seperti ahli suffah (satu kumpulan sahabat baginda yang tinggal di Masjid Nabawi), buruh dan peniaga. Pemberian ganjaran kepada tentera Islam pula berbeza dan diberi mengikut jumlah harta rampasan perang seperti fay' atau ghanimah. Kedua-dua harta rampasan tersebut merupakan salah satu punca utama pendapatan negara selain derma, zakat, waqaf dan jizyah (Al-Karmi 2006:145-163).

Walaupun mereka berjuang mempertahankan negara dan agama Islam tanpa menerima bayaran yang tetap, mereka sentiasa bekerjasama, bersatupadu dan setia berada dibawah pimpinan baginda Nabi Muhammad S.A.W. Pemberian harta rampasan perang atau elauan kepada tentera Islam telah dijelaskan dalam al-Qur'an dan al-Hadith.

وَاعْمَلُوا أَنَّمَا عِنْدُكُمْ مَنْ شَيْءٌ فَإِنَّ اللَّهَ خُمُسُهُ وَلِرَسُولِهِ وَلِيَتَامَىٰ وَالْمَسَاكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ إِنْ كُنْتُمْ آمَنُتُمْ  
بِاللَّهِ وَمَا أَنَّزَلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا يَوْمَ الْفُرْقَانِ يَوْمَ التَّقَىِ الْجَمْعَانِ ۝ وَاللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝

Dan ketahuilah, bahawa apa sahaja yang kamu dapati sebagai harta rampasan perang, maka sesungguhnya satu perlimanya (dibahagikan) untuk (jalan) Allah dan untuk RasulNya dan untuk kerabat (Rasulullah) dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin, serta ibn al-Sabil (orang musafir yang keputusan), jika kamu beriman kepada Allah dan kepada apa yang telah diturunkan oleh Kami (Allah) kepada hamba Kami (Muhammad) pada Hari Al-Furqan, iaitu hari bertemunya dua

angkatan tentera (Islam dan kafir, di medan perang Badar) dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu<sup>2</sup> (41)

مَا أَفَاءَ اللَّهُ عَلَىٰ رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْقُرْبَىٰ فَلِلَّهِ وَلِرَسُولِهِ وَلِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْمُسَائِلِ وَابْنِ السَّبِيلِ كُنْ لَا يَكُونُ  
دُولَةً بَيْنَ الْأَعْنَيَاءِ مِنْكُمْ ۝ ۷

Apa yang Allah kurniakan kepada RasulNya (Muhammad) dari harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, dan bagi Rasulullah dan bagi kaum kerabat (Rasulullah) dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin, serta orang-orang musafir (yang keputusan). (Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu<sup>3</sup>...

عن رجل من بلقين قال: ... فقلت: يا رسول الله ما تقول في الغيمة؟ قال: الله خمسها، وأربعة أخماسها  
للجيش

Diriwayatkan seorang lelaki yang berasal dari Balqin berkata: ... Wahai Rasulullah apa yang engkau katakan tentang Ghanimah? Baginda menjawab: “untuk Allah seperlimanya, dan empat perlimanya untuk pasukan (yang berperang)<sup>4</sup>”

Berdasarkan dalil diatas, tentera Islam memperolehi empat perlima dari jumlah harta rampasan perang dan satu perlima diperuntukan untuk Rasulullah, kaum kerabat baginda (Banu Hashim dan Banu al-Muttalib), anak yatim, orang miskin dan ibn al-Sabil. Manakala cara pembahagian empat perlima kepada tentera Islam yang keluar berperang sebagaimana yang diriwayatkan oleh <sup>c</sup>Abdullah bin <sup>c</sup>Umar R.A:

عن ابن عمر رضي الله عنهم قال: قسم رسول صلى الله عليه وسلم يوم خير للفرس سهرين وللراجل سهما. فسره  
نافع فقال : إذا كان مع الرجل فرس فله ثلاثة أسهم، فإن لم يكن له فرس فله سهم.

Diriwayatkan Ibn ‘Umar RA berkata: Nabi S.A.W telah membahagikan bahagian harta rampasan perang pada hari peperangan Khaibar iaitu bagi tentera berkuda mendapat dua bahagian, dan untuk tentera pejalan kaki menerima 1 bahagian. Nafi<sup>c</sup> telah menerang hadis tersebut dan berkata: Jika seorang tentera memiliki seekor kuda, maka dia mendapat 3 bahagian. Dan Jika tentera tersebut tidak memiliki kuda, maka untuknya 1 bahagian.<sup>5</sup>

Mengikut penerangan Nafi<sup>c</sup> dalam riwayat Ibn <sup>c</sup>Umar dapat dinisbahkan antara tentera pejalan kaki dan tentera berkuda adalah 1:3. Berdasarkan dalil-dalil yang dikemukakan, telah memberikan gambaran yang jelas personaliti baginda dalam menguruskan kewangan negara (harta rampasan perang), yang mana baginda turut memperuntukkan ganjaran khusus kepada tentera Islam yang keluar bertempur dengan pihak musuh. Dalam konteks pada hari ini, tentera dibayar gaji dan diberikan dengan pelbagai kemudahan lain. Ia berbeza pada era baginda yang mana tunggangan dan kelengkapan tentera adalah milik mereka sendiri.

<sup>2</sup> Al-Quran, al-Anfal 8:41

<sup>3</sup> Al-Quran, al-Hasyr 59:7

<sup>4</sup> al-Bayhaqi, 12862

<sup>5</sup> al-Bukhari, 4228

## KELENGKAPAN KETENTERAAN DI ZAMAN RASULULLAH S.A.W

Peralatan senjata perang antara elemen penting dalam memperkasakan pertahanan negara selain faktor mutlak iaitu pertolongan daripada Allah (Ahmad Adnan 2008:131). Melihat pada perkembangan serantau menunjukkan cabaran baru dan ketidaktentuan dari sudut ancaman negara, hampir kesemua negara mempertingkatkan peruntukan belanjawan dari segi kelengkapan ketenteraan demi mempertahankan keharmonian dan kesejahteraan ekonomi negara.

Dalam menghadapi pihak musuh, memperkasakan akidah dalam diri merupakan senjata utama yang dilakukan oleh Nabi Muhammad S.A.W. Merendahkan diri kepada Allah dan memperbanyak mengingati Allah salah satu tonggak kemenangan yang dicapai oleh baginda bersama para sahabat (Nik Aziz 2008:59-60) dalam mengharungi setiap peperangan. Selepas dididik dengan keimanan yang mantap, baginda menyarankan kepada para sahabat dan masyarakat Islam belajar ilmu ketenteraan dan memperkuatkan fizikal dengan belajar memanah, berkuda dan berenang seperti yang diriwayatkan dalam Sahih al-Bukhari, al-Bayhaqi dan Sunan al-Nasa'i:

عن سلمه بن الأكوع رضي الله عنه قال: مر النبي صلى الله عليه وسلم على نفر من أسلم ينتضلون، فقال النبي صلى الله عليه وسلم: ارموا بني إسماعيل، فإن أباكم كان راميا ...

Diriwayatkan Salamah bin al-Auku<sup>c</sup> R.A berkata: Ketika baginda melalui sekumpulan manusia dari kalangan Banu Aslam, baginda bersabda: "Memanahlah wahai anak keturunan Banu Isma'il, kerana ayah kalian semua adalah seorang pemanah."<sup>6</sup>

عن ابن عمر ، قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : علموا أبناءكم السباحة والرمي ، والمرأة المغزل .

Diriwayatkan Ibn <sup>c</sup>Umar berkata: Rasulullah S.A.W bersabda: "Ajarkanlah anak-anak kalian berenang, melempar (melontar) dan ajarkanlah kaum wanita kalian memintal (menjahit)"<sup>7</sup>

عن عطاء بن أبي رباح قال: ... سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول: كل شيء ليس من ذكر الله فهو ولعب، إلا أن يكون أربعة: ملاعبة الرجل امرأته، وتأديب الرجل فرسه، ومشي الرجل بين الغرضين، وتعليم الرجل السباحة .

Diriwayatkan <sup>c</sup>Ata'bin Rabah berkata: ... Aku telah mendengar Rasulullah S.A.W bersabda: "Setiap sesuatu perkara yang tidak dialunkan zikir kepada Allah S.W.T (Basmallah) maka ia adalah perbuatan sia-sia melainkan empat perkara iaitu bersenda gurau antara suami isteri, berlatih menunggang kuda, berlatih memanah dan mengajar seseorang berenang."<sup>8</sup> (HR al-Nasa'i:8890).

Jika disoroti ketiga-tiga dalil ini, dapatlah diperlihatkan kepada kita bahawa, baginda bukan sahaja mementingkan dari aspek rohani, malah turut mengambil langkah yang proaktif dengan menyarankan para tentera Islam secara khususnya mengekalkan tahap kecergasan tubuh badan dengan melakukan aktiviti yang

<sup>6</sup> al-Bukhari, 3373

<sup>7</sup> al-Bayhaqi, 2900

<sup>8</sup> al-Nasa'i, 8890

dapat memberikan manfaat kepada diri mereka (al-Qardawi 2009: jil 1:627) seperti berlawan pedang, memanah dan berkuda. Hal ini amat penting bagi seorang pemimpin ketenteraan dalam memperkemaskan barisan pertahanan negara, kerana dengan kekuatan fizikal dan mental akan dapat menimbulkan rasa gerun dalam kalangan musuh Islam yang sentiasa mengambil kesempatan untuk melakukan ancaman serta provokasi terhadap umat Islam (Harakahdaily 2013).

Dari segi persiapan peralatan dan kenderaan pula, baginda bersama para sahabat menyediakan pelbagai kelengkapan persenjataan perang dalam menghadapi musuh. Tentera Islam menggunakan senjata seperti panah, tombak, pedang, perisai, baju besi, kuda, unta dan keldai sebagai senjata utama di medan peperangan (Abdul Hakim 2009:123). Unta dan kuda digunakan semasa peperangan kerana mempunyai kelebihan yang tersendiri. Unta dikenali sebagai kapal padang pasir kerana sifatnya yang penyabar serta dapat bertahan lama di padang pasir. Manakala kuda pula boleh disifatkan sebagai kereta kebal kerana kuda sering digunakan dalam serangan hendap dan lebih pantas dari unta. Kesemua ini adalah alat kenderaan tradisional yang digunakan oleh orang Arab sejak sebelum kedatangan Islam.

Sebagai panglima perang yang bertanggungjawab dalam mempertahankan negara, baginda turut mempertingkatkan pertahanan negara dengan menghantar dua orang utusan iaitu *Urwah bin Mas'ud* dan *Ghailan bin Salamah* ke Jarash (sebuah penempatan dibawah kerajaan Rom) bagi mendalami ilmu pembuatan *manjaniq* (*ballista*), *dabbabah* dan *dabbur* (kereta perisai) (Ibnu Hisham, 2012:516). Dengan ilmu persenjataan yang diperolehi itu, Nabi Muhammad S.A.W bersama para sahabat bukan sahaja berjaya melakukan transformasi dalam penyediaan peralatan perang, bahkan memperkuatkan lagi barisan tentera Islam dari serangan musuh. Hal ini dibuktikan dengan kecekapan tentera Islam dibawah pengawasan baginda memerangi pihak musuh dalam setiap siri peperangan.

## **STRATEGI PEPERANGAN RASULULLAH S.A.W**

Strategi adalah suatu istilah yang menunjukkan adanya sesuatu yang harus dicapai atau diwujukkan. Definisi yang diambil dari bahagian ketenteraan Amerika Syarikat (US) mengatakan strategi adalah seni dan ilmu mengenai perkembangan serta penggunaan kekuatan politik, ekonomi, psikologi dan tentera yang diperlukan dalam keadaan damai dan perang, agar dapat memberikan dukungan maksimum kepada kebijaksanaan (polisi), meningkatkan kemampuan dan kesan yang menguntungkan supaya tercapai kemenangan serta mengurangkan kemungkinan kekalahan (Muhammad Abu Ayyasy T.Th:40).

Manakah menurut al-Butush (2014:19) turut menyatakan strategi tersebut merupakan satu usaha kreatif ke arah perubahan menggunakan sesebuah angkatan tentera dalam memperkemaskan strategi pertahanan negara, dengan tujuan mewujudkan satu keadaan yang boleh menjaminkan kejayaan dan hasil yang berlipat ganda berada di tahap maksima dari segi pencapaian matlamat ketenteraan yang diharapkan.

Strategi peperangan pada zaman pemerintahan Nabi Muhammad S.A.W terjadi disebabkan kaum Mushrikin Mekah sentiasa menentang dakwah baginda dalam menyebarkan agama Islam. Malah, mereka turut merancang untuk membunuh baginda agar penyebaran agama Islam terhenti dan kedudukan mereka sebagai pemimpin Quraishy terjamin. Oleh hal demikian, bagi menghalang kaum Mushrikin menceroboh ke atas umat Islam, baginda mengadakan

*mushawarah* bersama para sahabat untuk menghasilkan pelbagai strategi yang efektif dan berkesan (Ahmad Azan 2010:3).

Menurut Gholam Reza Zandi (2015:22) mendapati sebanyak 20 pilihan strategi (*strategic choice*) berdasarkan sirah Nabi Muhammad S.A.W. Walau bagaimanapun, selepas pengkaji menganalisis kajian yang dilakukan oleh Gholam Reza Zandi berdasarkan 27 siri peperangan yang diketuai oleh baginda , terdapat 5 strategi atau taktik yang digunakan dalam menghadapi pihak musuh:

1: Operasi serang mengejut (penyamaran) dan perang saraf (*raids and patrols fighting, deterrence and moral influence operations*).

Operasi ini digunakan semasa peperangan Waddan, Buwat, Dhi al-<sup>c</sup>Ushayrah, Safwan (Badar al-Ula), Bani Sulaym, Dhi Amar (Ghaftan), Bahran, Dhat al-Riqā<sup>c</sup>, Badar al-Akhir, Dumah al-Jundal, Bani Lihyan, dan Bani al-Mushtalaq.

Peperangan Bani al-Mushtalaq menjadi salah satu peperangan dengan menggunakan strategi menyerang secara mengejut di pihak lawan. Kejadian ini berlaku pada bulan Sh<sup>c</sup>aban tahun ke-6 Hijrah (al-Mubarakfuri 2007:325). Pertempuran ini berpunca dari perkhabaran mengenai rancangan Bani al-Mushtalaq yang dipimpin oleh al-Harith bin Dhirar untuk menyerang baginda Nabi Muhammad S.A.W. di Madinah. Selepas berita ini sampai ke telinga baginda, baginda mengutuskan Buraydah bin al-Hasib al-Aslami untuk memastikan kebenaran berita tersebut (al-Salabi 2007:172). Bagi menjalankan amanah yang diberi oleh baginda, Buraydah terpaksa melakukan penyamaran dan menyusup masuk ke dalam Bani Mustalaq. Dengan cara ini, memudahkan beliau mendapat maklumat tentang kesahihan berita itu.

Setelah memperolehi kesahihan tersebut, baginda bersama para sahabat mempersiapkan diri menuju ke al-Muraysi<sup>c</sup> untuk menyerang Bani Mustalaq. Di sana terdapat sebuah telaga yang merupakan sumber bekalan air Khuza<sup>c</sup>ah (Ibn Hisham 1990: Jilid3: 236). Bagi menghadapi pihak musuh, baginda membuat beberapa persiapan dengan meletakkan Abu Bakar al-Siddiq sebagai pemegang bendera Muhajirin, manakala Sa<sup>c</sup>ad bin <sup>c</sup>Ubudah pemegang bendera Ansar (Ibn Kathir 1990: Jilid4:156).

Sebelum peperangan berlaku, kaum muslimin berjaya menangkap dan membunuh seorang pengintip yang diutuskan oleh al-Harith untuk mengutip maklumat ketenteraan kaum muslimin. Pembunuhan pengintip tersebut merupakan salah satu strategi perang saraf. Dengan terbunuh pengintip tersebut, Bani Mustalaq bersama pemimpin mereka berada dalam ketakutan dan sebahagian kecil dari mereka melarikan diri ke tempat lain. Pada peringkat awal serangan hanya berlaku memanah antara satu sama yang lain sehingga baginda memerintahkan kaum Muslimin menyerang secara serentak ke kubu Bani Mustalaq. (al-Mubarakfuri 2007:326). Dengan strategi dan perancangan yang rapi, kaum Muslimin memperoleh kemenangan dengan membawa pulang tawanan dan harta rampasan perang ke Madinah.

2: Operasi pertahanan (*defensive operations*).

Operasi ini digunakan semasa peperangan Badar al-Kubra, Uhud dan Khandak (Ahzab).

Peperangan Ahzab atau dikenali sebagai Khandak merupakan salah satu siri peperangan dengan menggunakan strategi bertahan di kawasan sendiri.

Peristiwa ini berlaku pada bulan Shawwal tahun ke-5 Hijrah dan berpunca daripada beberapa pemimpin Bani Nadir termasuk Salam bin Abu al-Haqiq bertemu pembesar Quraysh dan mengajak mereka bersatu untuk meyerang kaum Muslimin di Madinah (Ibnu Kathir,1990 Jilid4:94). Selain kabilah Quraysh, pemimpin Bani Nadir turut mengajak Kabilah Ghafan dan beberapa kabilah yang berada disekitar Mekah (al-Mubarakfuri 2007:301) dengan tujuan yang sama.

Menyedari rancangan Bani Nadir bersama kabilah yang lain, masyarakat Madinah mula berasa bimbang. Sebagai pemimpin negara yang menjaga keamanan negara, Nabi Muhammad S.A.W mengadakan *mushawarah* bersama para sahabat untuk mencari jalan penyelesaian menghadapi pihak musuh (al-Salabi 2007:194) dengan segera. Dalam majlis tersebut, salah seorang daripada sahabat baginda iaitu Salman al-Farisi menceritakan pengalaman beliau semasa di Parsi.

*“Wahai Rasulullah, dahulu ketika kami di bumi Parsi, jika kami takut akan serangan tentera berkuda, maka kami akan menggali parit disekitar kota kami.”* (al-Waqidi jilid 2: 445).

Setelah mendengar pengalaman yang diceritakan oleh Salman al-Farisi, baginda menerima saranan beliau dengan menggali parit di bahagian utara Madinah. Strategi peperangan ini merupakan yang pertama dalam sejarah negara Arab dan Islam (al-Buti 2010:218). Cadangan yang diutarakan oleh Salman al-Farisi telah menyukarkan lagi rancangan pihak musuh menyerang Madinah. Mereka terpaksa menggunakan pelbagai cara untuk memasuki Madinah namun gagal. Ini termasuk melakukan pengkhianatan keatas kaum muslimin di dalam Madinah. Di akhir peperangan, Allah S.W.T mengutuskan angin taufan untuk memporak-perandakan gerakan musuh Islam, sekaligus memberi kemenangan kepada kaum muslimin di Madinah. Dengan kemenangan yang perolehi, masyarakat Madinah kembali aman dan menguatkan lagi keimanan mereka kepada Allah S.W.T.

### 3: Operasi serangan (*offensive operations*).

Operasi ini digunakan semasa peperangan Pembukaan Kota Makkah, Hunayn dan Tabuk.

Serangan ke atas kaum Quraysh merupakan satu strategi yang digunakan oleh Nabi Muhammad S.A.W semasa pembukaan Kota Makkah pada bulan Ramadhan tahun ke-8 Hijrah (Ibnu Kathir 1990: jil 4:278). Peperangan berlaku selepas Bani Bakar yang berada dibawah naungan kabilah Quraysh melanggar Perjanjian Hudaybiyyah dengan menyerang Bani Khuza'ah. (al-Tabari,1967: jilid3:43). Perjanjian tersebut telah dimenterai di antara baginda dan para pembesar Quraysh pada tahun ke-6 Hijrah. Di antara kandungan dalam perjanjian tersebut menyatakan genjatan senjata antara dua pihak selama 10 tahun. (al-Mubarakfuri,2007:342).

Apabila berita pembunuhan Bani Khuza'ah sampai kepada Nabi Muhammad S.A.W., baginda mengerahkan bala tentera Islam untuk menyerang Makkah secara rahsia tanpa pengetahuan kaum Quraysh. Serangan ini dilakukan sebagai pengajaran untuk mereka kerana melanggar Perjanjian Hudaybiyah. Setelah baginda bersama tentera Islam tiba di al-Zahran (suatu tempat antara Makkah dan Madinah), baginda mengarahkan tentera Islam menyalakan unggul api di kawasan mereka (al-Buti,2010:264) bertujuan melemahkan semangat pihak musuh. Hal ini menyebabkan pihak Quraysh mula berasa gerun dan meminta Abu

Sufian bertemu baginda untuk berunding. Rundingan ini dilakukan dengan harapan baginda memaafkan perbuatan mereka menyerang Bani Khuza'ah, namun rundingan tersebut tidak mendatang hasil seperti yang diharapkan oleh mereka.

Walau bagaimanapun, baginda memberikan 3 syarat sebagai jaminan keselamatan kepada penduduk Makkah iaitu dengan berlindung di dalam rumah Abu Sufyan, berada dalam Masjid al-Haram dan tinggal di dalam rumah masing-masing (al-Mubarakfuri 2007:402). Jaminan ini menjelaskan sifat kebijaksanaan baginda dalam menjaga keharmonian penduduk Makkah dan mengurang kerosakan harta benda penduduk Makkah. Dalam mengatur barisan ketenteraan pula, baginda membahagikan kepada 4 pasukan:

1. Pasukan dibawah pimpinan Nabi Muhammad S.A.W.
2. Pasukan dibawah pimpinan Khalid al-Walid.
3. Pasukan dibawah pimpinan Abu 'Ubaydah bin al-Jarrah.
4. Pasukan dibawah pimpinan al-Zubayr bin 'Awwam.

Hasil dari strategi yang digunakan, baginda berjaya membuka kota Makkah tanpa tentangan daripada pihak Quraysh secara keseluruhannya. Dengan pembukaan kota Makkah, agama Islam semakin berkembang apabila para pembesar Quraysh memeluk agama Islam. Kesan dari itu juga menjadikan Kota Makkah kembali bersih dari unsur jahiliah.

4: Operasi mengejar (*pursuit operations*). Operasi ini digunakan semasa peperangan al-Suwayq, Hamra' al-Asad dan Dhi al-Qarad (al-Ghabah).

Peperangan al-Suwayq berlaku pada bulan Zul Hijjah pada tahun ke-2 Hijrah dan berpunca pencerobohan yang dilakukan oleh Abu Sufyan bin Harb bersama pengikutnya ke atas penduduk di pinggir Madinah (Ibn Hisham, 1990: jilid 3:6). Peperangan ini boleh dikatakan serangan membala dendam kaum Mushrikin Makkah yang kalah dalam peperangan Badar ke atas kaum Muslimin di Madinah. Menurut Ibnu Ishaq dalam kitab *al-Bidayah wa al-Nihayah* (Ibnu Kathir 1990: jilid 3:344) menyatakan Abu Sufyan telah bersumpah untuk tidak akan bersama isterinya sehingga beliau menyerang dan membunuh baginda.

Bagi menunaikan sumpah tersebut, Abu Sufyan bersama beberapa orang pengikutnya keluar menuju ke rumah Salam bin Mishkam yang merupakan salah seorang ketua Bani al-Nadir. Disana beliau mendapat banyak maklumat penting tentang kehidupan penduduk Madinah dan cara menyerang kaum muslimin secara lanun (al-Mubarakfuri 2007:240-241). Berdasarkan maklumat yang diperolehi, Abu Sufyan mengarahkan pengikutnya pergi ke al-'Urayd (sebuah tempat berhampiran Madinah) untuk membakar kebun tamar serta membunuh dua orang Ansar.

Apabila perkhabaran ini sampai kepada Nabi Muhammad S.A.W, baginda mempersiapkan tentera Islam untuk keluar bersama mengejar Abu Sufyan dan pengikutnya. Walau bagaimanapun, kaum Mushrikin Makkah sempat mlarikan diri dan meninggalkan pelbagai jenis makanan yang dinamakan *al-Suwayq* sebelum tentera Islam sampai ke tempat persembunyian mereka di daerah al-Kudr. Menurut al-Salabi (2008:452) *al-Suwayq* adalah makanan yang diperbuat daripada gandum dan barli yang telah di masak, kemudian di kisarkan bersama susu, madu dan minyak sapi. Peperangan *al-Suwayq* pula berasal dari sebahagian bekalan makanan yang ditinggalkan oleh kaum Mushrikin ketika mereka mlarikan diri daripada tentera Islam adalah gandum dan barli. Oleh sebab itu peperangan ini dinamakan peperangan *al-Suwayq*.

5: Operasi pengepungan dan pertempuran di kawasan perkampungan (*siege and killings in fortified villages operations*). Operasi ini digunakan semasa peperangan Bani Qaynuqa', Bani Nadir, Bani Qurayzah, Khaibar, Wadi al-Qura dan Taif.

Misi peperangan Taif merupakan sebuah rentetan dari Peperangan Hunayn atau dikenali juga Peperangan Hawazin. Peperangan Taif berlaku pada bulan Shawwal tahun ke-8 Hijrah yang berpuncak dari sebahagian tentera Hawazin melarikan diri ke Taif bersama pemimpin mereka iaitu Malik bin 'Auf al-Nasri (ibnu Kathir 1990: jil 4:346). Dengan kekalahan mereka di Hunayn memaksa mereka mencari tempat berlindung dengan membina kubu pertahanan di sekitar bandar Taif (al-Tabari 1967: jil 3:83).

Siri peperangan ini dimulai dengan penghantaran satu pasukan peninjau dibawah pimpinan Khalid bin al-Walid (al-Mubarafuri 2007:418) untuk meninjau keadaan pihak musuh di Taif. Selepas mendapat kepastian mengenai pelarian tentera Hawazin dari peperangan Hunayn dan tempat persembunyian bersama ketua mereka, Nabi Muhammad S.A.W bergerak menuju ke Taif untuk menyerang mereka. Serangan ini dilakukan untuk melumpuhkan kekuatan kaum Mushrikin yang sentiasa mengganggu ketenteraman masyarakat muslim.

Kekebalan benteng pertahanan bandar Taif menyukarkan tentera Islam memasuki bandar berkenaan. Pengepungan bandar Taif yang dilakukan oleh tentera Islam tidak mengambil masa yang lama. Menurut ibnu Hisham (1990: jil 4:121) dalam karyanya mengatakan pengepungan ke atas mereka itu mengambil masa selama 20 malam. Walaubagaimana pun, tempoh pengepungan tersebut terdapat perbezaan pendapat diantara para sejarawan (al-Mubarafuri 2007:418). Diawal tempoh pengepungan, tentera Islam terpaksa menghadapi anak panah dari pihak lawan menyebabkan sebahagian tentera Islam mengalami kecederaan dan gugur syahid.

Demi mencapai misi peperangan ini, Nabi Muhammad S.A.W mengambil tindakan seterusnya dengan melancarkan serangan menggunakan beberapa peralatan baru seperti *al-Manjaniq* dan *al-Dhababah* (al-Salabi 2007:294). Dengan penggunaan kedua peralatan berkenaan ditambah perancangan rapi dan tersusun, tentera Islam berjaya melemahkan tentera Hawazin dan mengalahkan mereka.

Oleh hal demikian, berdasarkan 5 strategi di atas menjelaskan sebagai seorang pemimpin ketenteraan, baginda Nabi Muhammad S.A.W sentiasa memastikan setiap peperangan tidak mendatangkan sebarang kerugian kepada penduduk setempat seterusnya mengurangkan jumlah mangsa yang terkorban dalam peperangan. Oleh sebab itu, segala perancangan dalam menghadapi musuh dibuat dengan teliti. Sebelum memulakan peperangan, baginda akan melakukan perdamaian dengan pihak musuh dan menjelaskan tentang agama Islam sebenar. (Zul Aimran Omar, 2014:27).

Hal ini, bersetujuan dengan tujuan utama baginda diutuskan iaitu untuk mengembangkan ajaran Islam dan mengajak umat manusia kembali kepada Allah S.W.T supaya menikmati keharmonian dan kemakmuran di bawah peraturan hidup-Nya. (Ahmad Azan, 2010:2 dan al-Butush 2014:23). Kenyataan ini selaras dengan fiman Allah S.W.T:

الَّرَّحْمَنُ أَنزَلَنَا إِلَيْكُم مِّنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ بِإِذْنِ رَبِّهِمْ إِلَى صِرْطِ الْغَيْرِيْزِ الْحَمِيدِ ١

Alif, Laam, Raa'. Ini ialah Kitab (Al-Quran) Kami turunkan ia kepadamu (wahai Muhammad), supaya engkau mengeluarkan umat manusia seluruhnya dari gelap-gelita kufur kepada cahaya iman dengan izin Tuhan mereka ke jalan Allah Yang Maha Kuasa lagi Maha Terpuji<sup>9</sup>

هُوَ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظَهِّرَهُ عَلَى الْأَدِينَ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ ۚ ۹

Dialah yang telah mengutus RasulNya (Muhammad s.a.w) dengan membawa hidayah petunjuk dan agama yang benar (agama Islam), supaya Dia memenangkannya dan meninggikannya atas segala agama yang lain, walaupun orang-orang musyrik tidak menyukainya.<sup>10</sup>

Bagi memastikan matlamat ini tercapai, bukan sahaja mengharapkan perancangan yang rapi, malah memerlukan strategi jangka panjang. Sepanjang kehidupan Nabi Muhammad S.A.W, baginda menghabiskan hidupnya dengan membentuk acuan yang berkesan dalam memimpin masyarakat ke jalan yang benar. Acuan tersebut diperturunkan kepada para pemimpin selepas baginda dengan harapan kepentingan ini akan berterusan demi memastikan umat ini sentiasa disemarakkan dengan cahaya petunjuk Allah SWT hingga ke hari kiamat (al-Butush 2014:24).

## KESIMPULAN

Kegigihan dan perjuangan Nabi Muhammad S.A.W di dalam menyebarkan ajaran agama Islam telah memberi kesan yang mendalam pada kerajaan Islam pada masa itu. Kepimpinan baginda yang berpandukan akidah sebenar yang berlandaskan al-Quran dan Sunnah menjadi *qudwah hasanah* sepanjang zaman dan wajar dijadikan model pada zaman sekarang. Pentadbiran baginda memberi impak yang besar terhadap kecemerlangan tumpuk pemerintahan Islam khususnya dalam aspek ketenteraan dan pertahanan negara. Ketua angkatan ketenteraan memainkan peranan penting dalam mempertahankan keselamatan negara. Antara sifat yang perlu ada pada seorang pemimpin melalui 27 siri peperangan ini ialah kecekapan, kebijaksanaan dan mempunyai disiplin yang tinggi dalam menguruskan barisan pertahanan.

Sepanjang baginda mengemudi barisan pertahanan negara, baginda berjaya membentuk sebuah pasukan yang hebat, malah digeruni oleh pihak musuh. Ini kerana dengan pengisian kekuatan iman, kekuatan hubungan antara kaum muslimin, kepercayaan antara pemimpin dan pasukan tentera Islam dan kesatuan barisan yang diajar oleh baginda dalam diri umat Islam telah membawa masyarakat Islam berada dikedudukan yang tersendiri.

Kehebatan baginda dalam menyusun barisan tentera sangat dikagumi. Perancangan dan strategi yang digunakan menjadi model pada masa kini. Oleh demikian, amat wajar kepimpinan menjadi sebutan sama ada dari kalangan masyarakat Islam atau masyarakat Barat. Kebolehan baginda dalam mengurus dan merancang sistem pertahanan dan ketenteraan amat sesuai dijadikan model pada masa kini bagi menghadapi cabaran dan ancaman kepada pertahanan negara.

<sup>9</sup> al-Quran, Ibrahim 14:1

<sup>10</sup> al-Quran, al-Saff 61:9

## RUJUKAN

Al-Qur'an al-Karim.

- A. Irwan Santeri Kawaid. 2014. Konsep Wasatiyyah Dalam Peperangan: Tinjauan Terhadap Panduan Nabawi. Seminar Warisan Nabawi (SWAN 2014) Kali ke-4. Universiti Sains Islam Malaysia. [https://www.researchgate.net/publication/299487138\\_KONSEP\\_WASTIYYAH\\_DALAM\\_PEPERANGAN\\_TINJAUAN\\_TERHADAP\\_PANDUAN\\_NABAWI](https://www.researchgate.net/publication/299487138_KONSEP_WASTIYYAH_DALAM_PEPERANGAN_TINJAUAN_TERHADAP_PANDUAN_NABAWI). [23/5/2017]
- Abdul Hakim Ahmad. 2009. Muhammad bin Abdullah: Peribadi seorang Pahlawan. Selangor. PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Abu al-Wafa' Mahmud. T.th. al-Salam huwa asl al-Islam. Lahore. University of the Punjab. [http://pu.edu.pk/images/journal/szic/pdf\\_files/7-\(24\)%20abul%20wafa.pdf](http://pu.edu.pk/images/journal/szic/pdf_files/7-(24)%20abul%20wafa.pdf) [ 15/6/2017 ] .
- Ahmad Bin Hanbal. 1999. Musnad al-Imam Ahmad Ibn Hanbal. Beirut. Muassasah al-Risalah.
- Ahmad Adnan Fadhil dan Riduan Mohd Nor. 2008. Peperangan Rasulullah S.A.W. Kuala Lumpur. Jundi Resources.
- Ahmad Azan Ridzuan, Mohd Juraimy Hj Kadir, Hasan Al-Banna Mohamed & Aman Daiman Md Zain. 2010. Peperangan Nabi Muhammad S.A.W: Analisa Strategi peperangan dan Pertahanan. International Conference on Da'wah and Islamic Management.
- Al-Bayhaqi, Ahmad bin al-Husayn. 2003. Al-Sunan al-Kubra. Suntingan: Muhammad Əbd al-Qadir Əata. Bayrut. Dar al-Kutub al-Əlmiyyah.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Isma'il. 2002. Sahih al-Bukhari. Dimashq. Dar Ibn al-Kathir.
- Al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadhan. 2010. *Fiqh Sirah Ma'a Mujiz li Tarikh al-Khilafah Al-Rashidah*. Damsyik. Dar Al-Fikr.
- Al-Butush, Yahya Bashir. 2014. *Al-Takhtit al-ƏAskari fi al-Sunnah al-Nabawiyah*. Penterjemah: Jabatan Arah Kor Agama Angkatan Tentera. Kuala Lumpur, Markas Angkatan Tentera Malaysia.
- Fahmi, Abd al-Salam Abd al-ƏAziz. 1993. Al-Sultan Muhammad al-Fateh: Fateh al-Konstatiniyyah wa Qahir al-Rum. Damsyik, Dar al-Qalam.
- Faisal Ahmad Shah. 2011. Pendekatan Kontekstual Dalam Memahami Hadith-Hadith Rasulullah S.A.W. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri*. Vol 4. Terengganu. Universiti Sultan Zainal Abidin
- Finer, Samuel Edward. 2002. *The Man on Horseback: The Role of The Military In Politics*. New Brunswick, Transaction Publishers.
- Gholam Reza Zandi, Naser Zandi Pour Joupari dan Ayesha Aslam. 2015. *The Strategies in the Battles and Struggles of Prophet Muhammad: How It Can Be Applied in Modern Business*. vol 8, no 11. Canadian Center of Science and Education.

- Harakahdaily. 2013. Kelebihan sunnah memanah, berkuda, berenang. <http://arkib.harakahdaily.net/arkibharakah/index.php/arkib/berita/lama/2013/2/53276/kelebihan-sunnah-memanah-berkuda-berenang.html> [ 2/6/2017].
- Ibnu Hajar al-Asqallani. 1379. *Fath al-Bari bi Sharhi Sahih al-Imam Abi Abd Allah Muhammad bin Ismail al-Bukhari*. Mesir. al-Maktabah al-Salafiyah.
- Ibnu Hisham, Abu Muhammad Abdul Malik. 1990. *Al-Sirah al-Nabawiyah Li Ibnu Hisham*. Beirut. Dar al-Kitab al-Carabi.
- Ibnu Kathir. 1990. *Al-Bidayah wa al-Nihayah*. Beirut, Maktabah al-Ma'arif.
- Al-Karmi, Hafiz Ahmad Ajjaj. 2006. Al-Idarah fi Asr al-Rasul S.A.W: Dirasah Tarikhyyah li al-Nazam al-Idariyyah fi al-Dawlah al-Islamiyyah al-Ula. Mesir. Dar al-Salam.
- Mohd Zuhdi Ahmad Khasasi. 2015. Konsep Jihad Yusuf al-Qardawi Dalam Karya Fiqh al-Jihad. Jurnal of Islamic Dakwah (al-Hikmah). Volume 7. No1. Universiti Kebangsaan Malaysia. <http://journalarticle.ukm.my/9004/1/141-535-1 PB.pdf> [19/9/2017 ].
- Al-Mubarakfuri, Safi Al-Rahman Al-Mubarakfuri. 2007. *Al-Rahiq Al-Makhtum*. Al-Hind. Wizarah al-Awqaf wa al-Shuun al-Islamiyah.
- Muhammad Abu Ayyasy. T.Thn. Strategi perang Rasulullah S.A.W. Kuala Lumpur. Synergy Media.
- Muhammad Abdul Wahhab. 1997. Riwayat Hidup Nabi Muhammad S.A.W. Kuala Lumpur. Jasmin Enterprise.
- Michael H. Hart. 1992. *The 100: A Ranking of The Most Influential Persons in History*. New Jersey. United States. Carol Publishing Group.
- Al-Nasa'i, Ahmad Bin Shu'ayb. 2001. *Kitab Sunan al-Kubra*. Suntingan: Hasan Abd al-Mun'im Shalabi. Bayrut. Muassasah al-Risalah.
- Nik Abdul Aziz. 2008. Sirah Nabawiyah Insan Teladan Sepanjang Zaman. Kuala Lumpur. Nufair Street Sdn Bhd.
- Al-Qardawi, Yusof. 2009. *Fiqh al-Jihad Dirasah Muqaranah li Ahkamihi wa Falsafahtihhi fi Dau' al-Qur'an wa al-Sunnah*. Al-Qahirah. Maktabah Wahbah.
- Ridwan, Muhammad Abdul al-Mun'im Ridwan. 2010. *Muhammad S.A.W al-Qaid al-A'zam Fi al-Harb Wa al-Salam*. al-Iskandariyah. Muassasah Haurus al-Dawliyah.
- Al-Salabi, Ali Muhammad. 2007. *Ghazawat al-Rasul S.A.W Durus wa 'Ibr wa Fawa'id*. Al-Kaherah. Muassasah Iqra' li al-Nashar wa al-Tawzic wa al-Tarjamah.
- Al-Salabi, Ali Muhammad. 2008. *Al-Sirah al-Nabawiyah 'Ard Waqaf wa Tahlil Ahdath*. Beirut. Lubnan. Dar al-Ma'rifat.
- Al-Sha'rawi, Muhammad Mitwali al-Sha'rawi. T.Thn. *Ghazawat al-Rasul S.A.W*. Kaherah. Maktabah al-Turath al-Islami.

Al-Tabari, 1967. *Tarikh al-Tabari: Tarikh al-Rasul wa al-Muluk*. Mesir. Dar al-Maa<sup>c</sup>rif.

Wahbah Zuhaili. 1998. *Athar al-Harb fi al-Fiqh al-Islami*. Syria. Dar al-Fikr.

Al-Waqidi. 1984. *Kitab al-Maghazi li al-Waqidi*. Disunting Marisan Junus. Beirut. <sup>c</sup>alim al-Kutub.

Zul Aimran Omar. 2014. Sirah Peperangan Rasulullah S.A.W: Leburnya Dendam Musyrikin Di Hujung Pedang. Selangor. Must Read Sdn Bhd.

#### **ABOUT THE AUTHORS**

Lukman Bin Ibrahim is a (Master) student at Department of Islamic Civilization and Arabic Studies, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia. He can be contacted at [lukman.ibrahim@siswa.ukm.edu.my](mailto:lukman.ibrahim@siswa.ukm.edu.my).

Ermy Azziaty Rozali (Phd) is the Associate Professor at Department of Islamic Civilization and Arabic Studies, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia. She can be contacted at [ermy@ukm.edu.my](mailto:ermy@ukm.edu.my).